



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SABAH**

*Office Of The State Secretary Of Sabah*

**JABATAN KETUA MENTERI**

*Chief Minister's Department*

Aras 28, Blok A, Pusat Pentadbiran Negeri Sabah

Jalan UMS, Teluk Likas

88400 KOTA KINABALU, SABAH

MALAYSIA

Tel : +6088-369 900

: +6088-369 901

Faks : +6088-211 016

Rujukan : JKM.100-15/79

Tarikh : 19 Januari 2021

Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri  
Semua Ketua Jabatan Negeri  
Semua Pegawai Daerah  
Semua Penolong Pegawai Daerah  
Semua Ketua Badan–Badan Berkanun dan Agensi Kerajaan  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan  
Semua Badan–Badan Bukan Kerajaan

YBhg. Datuk/Tuan/Puan,

**PELAKSANAAN INISIATIF *JURISDICTIONAL CERTIFIED SUSTAINABLE PALM OIL* SABAH (JCSPO SABAH) DAN PENSIJILAN *MALAYSIAN SUSTANABLE PALM OIL* (MSPO) SECARA SERENTAK DI SELURUH NEGERI SABAH**

Dengan segala hormatnya, perkara tersebut di atas adalah dirujuk.

2. Sepertimana yang semua sedia maklum, sektor sawit merupakan salah satu industri yang penting di Negeri Sabah. Seluas lebih kurang 1.54 juta hektar tanah di negeri Sabah telahpun ditanam dengan kelapa sawit. Negeri Sabah telah menyumbang sebanyak sepuluh peratus (10%) kepada minyak sawit mentah dunia (*world's crude palm oil*) serta merupakan pengeluar minyak kelapa sawit ketiga terbesar selepas Negara Indonesia dan Semenanjung Malaysia.

3. Namun demikian, sektor sawit kini mengalami cabaran untuk menembusi pasaran–pasaran sensitif seperti Eropah kerana terdapat keperluan untuk memenuhi kehendak pensijilan terlebih dahulu. Isu deforestasi (*deforestation*) sentiasa dibangkitkan meskipun litupan hutan kini masih meliputi lebih kurang enam puluh lima peratus (65%) daripada keseluruhan keluasan tanah Sabah yang merupakan hutan–hutan simpan, juga kawasan terlindung sepenuhnya (*Totally Protected Areas*, TPAs) dan hutan dalam Tanah Kerajaan (*stateland forests*).

....2/-

**“SABAH MAJU JAYA”**

4. Kerajaan Negeri Sabah telah membuat keputusan untuk mencapai pengiktirafan minyak sawit mampan melalui pelaksanaan secara serentak dua mekanisme pensijilan yang saling melengkapi, iaitu, Inisiatif *Jurisdictional Certified Sustainable Palm Oil* (JCSPO) Sabah, berdasarkan konsep Sabah 100% *Roundtable on Sustainable Palm Oil-Certified Sustainable Palm Oil* (RSPO-CSPO) dan juga Skim Pensijilan *Malaysian Sustainable Palm Oil* (MSPO).

5. Pelaksanaan Inisiatif JCSPO Sabah, akan diterajui oleh *Jurisdictional Certification Steering Committee* (JCSC), iaitu, satu jawatankuasa pemandu yang dianggotai oleh pihak berkepentingan daripada jabatan kerajaan, industri serta badan-badan bukan kerajaan, dan dipengerusikan bersama oleh Setiausaha Hasil Bumi dan Ketua Konservator Hutan. Manakala pelaksanaan Skim Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) pula akan diterajui oleh pihak *Malaysian Palm Oil Board/ Malaysian Palm Oil Certification Council* (MPOCC), di bawah seliaan Jabatan Pertanian Sabah. Pelaksanaan kedua-dua skim/ inisiatif ini akan diselaraskan oleh satu Jawatankuasa Tertinggi yang dipengerusikan oleh Pejabat ini.

6. Selaras dengan ketetapan di atas, Pejabat Hasil Bumi, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Pertanian Sabah akan mengambil tindakan susulan untuk memberikan maklumat lanjut mengenai skim/inisiatif tersebut. Oleh itu, semua pihak yang berkaitan hendaklah memberikan sokongan dan kerjasama penuh bagi memastikan kelancaran pelaksanaan kedua-dua mekanisme pensijilan tersebut di negeri ini.

7. Dilampirkan bersama adalah dokumen berkenaan dengan status pelaksanaan Inisiatif JCSPO Sabah (**Lampiran 1**) untuk makluman dan tindakan YBhg. Datuk/Tuan/Puan yang selanjutnya.

Sekian.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



( **DATUK SERI PANGLIMA Sr. HAJI SAFAR BIN UNTONG, JP.** )  
Setiausaha Kerajaan Negeri

....3/-

**“SABAH MAJU JAYA”**

- s.k Setiausaha Hasil Bumi  
Pejabat Hasil Bumi  
Jabatan Ketua Menteri  
Tingkat 18, Blok A, Pusat Pentadbiran Negeri Sabah  
Jalan Sulaman, Teluk Likas  
**88400 KOTA KINABALU**
- s.k Ketua Konservator Hutan  
Ibu Pejabat Perhutanan  
KM 11, Jalan Utara  
Beg Berkunci (*Locked Bag*) 68  
**90009, SANDAKAN**
- s.k Pengarah  
Jabatan Pertanian Sabah  
Level 5, Wisma Pertanian Sabah  
Jalan Tasik, Luyang, Off Jalan Maktab Gaya  
**88632 KOTA KINABALU**

## INISIATIF *JURISDICTIONAL CERTIFIED SUSTAINABLE PALM OIL* (JCSP0) SABAH

### PENGENALAN

Pelaksanaan Inisiatif *Jurisdictional Certified Sustainable Palm Oil* (JCSP0) Sabah adalah bertujuan untuk memastikan semua pengeluaran dan penjualan minyak sawit mentah adalah mampan (*sustainable*) dan boleh menembusi pasaran yang lebih luas, tanpa diragui oleh para pembeli. Industri minyak sawit adalah besar dan amat penting. Sabah memperolehi lebih kurang RM16 hingga RM17 billion setahun nilai pendapatan eksport minyak sawit mentah. Nilai ini dijangka akan berkembang kepada RM20 billion. Dengan mengambilkira cukai jualan 7.5%, nilai eksport RM20 billion ini berpotensi untuk menyumbang sebanyak lebih kurang RM1.5 billion setahun kepada pendapatan Kerajaan Negeri.

Inisiatif JCSP0 Sabah akan kekal sebagai keutamaan negeri ini, manakala pelaksanaan Skim Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia, (*Malaysian Sustainable Palm Oil*, MSPO), merupakan pelengkap ke arah mencapai matlamat yang lebih besar dalam industri minyak sawit di negeri ini, iaitu pencapaian seratus peratus (100%) pensijilan RSPO bagi kesemua ladang sawit di Sabah, termasuk ladang sawit berskala kecil menjelang tahun 2025.

### OBJEKTIF

Objektif–objektif utama pelaksanaan Inisiatif JCSP0 Sabah adalah seperti berikut:

- (a) Untuk memastikan pengeluaran minyak sawit di negeri Sabah adalah mampan dan tidak menjejaskan alam sekitar, termasuklah pelaksanaan skim kompensasi;
- (b) Untuk memastikan semua pengeluaran dan penjualan minyak sawit mentah berupaya untuk menembusi pasaran yang lebih luas (tempatan dan antarabangsa); dan
- (c) Untuk memastikan ketelusan pengurusan kelapa sawit di Sabah.

### JAWATANKUASA PEMANDU

Pelaksanaan Inisiatif JCSP0 Sabah akan diterajui oleh *Jurisdictional Certification Steering Committee* (JCSC), satu jawatankuasa pemandu yang dianggotai oleh pihak berkepentingan daripada jabatan kerajaan, industri dan juga badan–badan bukan kerajaan. JCSC adalah dipengerusikan bersama oleh Setiausaha Hasil Bumi dan juga Ketua Konservator Hutan. RSPO dan *Forever Sabah* berperanan sebagai Penasihat Teknikal. Sementara menunggu penubuhan Sekretariat Tetap (*Permanent Secretariat*), Jabatan Perhutanan Sabah memainkan peranan sebagai Sekretariat Sementara.

## PELAN TINDAKAN LIMA (5) TAHUN PERTAMA

Tempoh yang disasarkan untuk mencapai sepenuhnya Inisiatif JCSP0 Sabah adalah sepuluh (10) tahun iaitu dari tahun 2016 sehingga 2025. Bagi memula melaksanakan Inisiatif tersebut, satu Pelan Tindakan Lima (5) Tahun Pertama yang mengandungi tiga (3) objektif utama seperti berikut telahpun dirangka:

- (a) Untuk mengelakkan kehilangan kawasan hutan yang mempunyai Nilai Konservasi Tinggi (*High Conservation Value*, HCV) dan Stok Karbon Tinggi (*High Carbon Stock*, HCS) yang melibatkan kawasan tanaman kelapa sawit di Sabah;
- (b) Untuk mencapai konflik sifar dalam landskap pengeluaran kelapa sawit di Sabah melalui konsep Izin Berasaskan Makluman Awal, Bebas dan Telus (*Free, Prior, and Informed Consent*, FPIC);
- (c) Untuk memperkasa kelestarian pekebun kecil dan meningkatkan taraf hidup masyarakat setempat.

Antara output utama Pelan Tindakan Lima (5) Tahun Pertama adalah:

- (a) Peta HCV;
- (b) Panduan FPIC dan Mekanisme Operasi;
- (c) Penyenaraian butiran kesemua pengusaha ladang sawit berskala kecil secara sistematik; dan
- (d) Pensijilan kesemua ladang sawit, termasuklah pekebun kecil di Sabah menjelang tahun 2025.

## DANA PERUNTUKAN

Pelaksanaan Pelan Tindakan Lima (5) Tahun Pertama ini dianggarkan akan membabitkan peruntukan sejumlah RM17.8 juta. Sebanyak RM12.6 juta telahpun diperolehi melalui kerjasama dengan pelbagai pihak/rakan bersekutu seperti RSPO, Sime Darby, HSBC, Wilmar International, Unilever, World Wide Fund for Nature (WWF) dan lain-lain. Ini termasuklah sumbangan daripada Jabatan Perhutanan Sabah yang diperolehi daripada Tabung Amanah Konservasi untuk memula melaksanakan pelaksanaan Pelan Tindakan tersebut. Pihak JCSC juga turut melaksanakan Projek *Living Landscape*, yang bertujuan untuk membawa kesemua pekebun berskala sederhana (*middle-sized holders*) di dalam landskap Sugut dan Tawau (merangkumi kawasan seluas lebih kurang 60,000 hektar) ke arah pensijilan RSPO dan MSPO menjelang tahun 2023. Pelaksanaan projek tersebut akan ditanggung oleh dana yang telahpun diperolehi daripada Unilever dan juga HSBC untuk tempoh lima (5) tahun.

## PENGWUJUDAN KUMPULAN KERJA BAHARU

Dengan perangkaan Pelan Tindakan tersebut, tiga (3) kumpulan kerja, iaitu (i) Kumpulan Penasihat (*Advisory Group*), (ii) Kumpulan Kerja Pekebun Kecil (*Smallholder Working Group*) dan juga (iii) Kumpulan Kerja FPIC, telahpun diwujudkan di bawah naungan JCSC, untuk menjalankan kesemua aktiviti yang tersenarai di dalam Pelan Tindakan tersebut. Pihak JCSC juga akan mewujudkan tiga (3) lagi kumpulan kerja iaitu (i) Kumpulan Kerja Buruh (*Labour Working Group*), (ii) Kumpulan Kerja Tadbir Urus dan perundangan (*Governance and Legal Working Group*), dan juga (iii) Kumpulan Kerja Pemantauan dan Penilaian (*Monitoring and Evaluation*) untuk menangani isu-isu berkaitan.

## PROGRESS PELAKSANAAN INISIATIF JCSPPO SABAH

Focus utama pihak JCSC kini adalah pekebun kecil dan juga pekebun berskala sederhana, dimana aktiviti-aktiviti yang melibatkan dua puluh (20) buah kampung terpilih di dalam daerah Telupid, Tongod, Beluran dan Kinabatangan (TTBK) sedang giat dijalankan.

Progres pelaksanaan Inisiatif JCSPPO Sabah adalah seperti berikut:

- (1) Kemajuan Sasaran pertama (*advancement of goal 1*) – Untuk mengelakkan kehilangan kawasan hutan yang mempunyai Nilai Konservasi Tinggi (*High Conservation Value*, HCV) dan Stok Karbon Tinggi (*High Carbon Stock*, HCS) yang melibatkan kawasan tanaman kelapa sawit di Sabah:
  - Pemetaan carbon hutan di seluruh negeri telahpun berjaya dilaksanakan;
  - Penilaian HCV di seluruh negeri telahpun berjaya dilaksanakan (dalam bentuk deraf).
  
- (2) Kemajuan sasaran kedua (*advancement of goal 2*) – Untuk mencapai konflik sifar dalam landskap pengeluaran kelapa sawit di Sabah melalui konsep *Free, Prior, and Informed Consent* (FPIC):
  - Panduan FPIC telahpun berjaya dihasilkan;
  - Ujian lapangan (*field-testing*) untuk menguji keberkesanan panduan FPIC kini sedang giat dijalankan di dalam TTBK, terutamanya Telupid dan Beluran;
  - Pihak JCSC berhasrat untuk mengintegrasikan FPIC ke dalam undang-undang dan institusi Sabah serta budaya organisasi semua pihak berkepentingan yang terlibat dalam pengeluaran minyak sawit di Sabah. Jabatan atau Kementerian yang sesuai dijadikan sebagai “perumah” kepada FPIC akan dikenalpasti.

- (3) Kemajuan sasaran ketiga (advancement of goal 3) – Untuk memperkasa kelestarian pekebun kecil dan meningkatkan taraf hidup masyarakat setempat.
- *Smallholder pilot* berdasarkan konsep *sub-jurisdictional* sedang giat dijalankan di dalam TTBK;
  - Anggaran pekebun kecil di Sabah adalah 53,000, merangkumi kawasan seluas lebih kurang 221,138.49 hektar, dimana hanya satu perpuluhan lapan peratus (1.8%) telahpun menerima pensijilan RSPO, dan empat puluh empat peratus (44%) telahpun menerima pensijilan MSPO.

#### **PENCAPAIAN–PENCAPAIAN UTAMA INISIATIF JCSP0 SABAH**

- (1) Pembentukan Jawatankuasa Pemandu, *Jurisdictional Certification Steering Committee* (JCSC);
- (2) Perangkaan dokumen–dokumen penting seperti:
  - Pelan Tindakan Lima (5) Tahun Pertama;
  - Pelan Tindakan Tahun Pertama;
  - Laporan Kesiediaan Pekebun Kecil (*Smallholder Readiness Report*); dan
  - Panduan Izin Berasaskan Makluman Awal, Bebas dan Telus (*Free, Prior and Informed Consent, FPIC*)
- (3) Pengukuhan komitmen untuk menubuhkan tiga (3) lagi kumpulan kerja iaitu (1) Kumpulan Kerja Buruh (*Labour*), (2) Kumpulan Kerja Tadbir Urus dan perundangan (*Governance and Legal*), dan juga (3) Kumpulan Kerja Pemantauan dan Penilaian (*Monitoring and Evaluation*) untuk menangani isu–isu berkaitan;
- (4) Pencapaian pengiktirafan. Inisiatif JCSP0 Sabah telahpun diiktiraf sebagai salah satu inisiatif yang termaju di dunia dan telahpun dinaikkan statusnya sebagai diiktiraf dunia dalam pelbagai platform antarabangsa.